KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

Lonjak produktiviti untuk atasi kos sara hidup tinggi

Lonjak produktiviti untuk atasi kos sara hidup tinggi

Kriteria pemberian subsidi perlu ambil kira produktiviti

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyokong penuh usaha kerajaan dalam pemberian subsidi secara bersasar, malah manfaat insentif dan subsidi hendaklah bertepatan dengan keperluan serta kemampuan golongan sasaran.

Dalam perkara ini, produktiviti seharusnya diambil kira sebagai satu daripada kriteria pemberian subsidi.

Pemberian subsidi kepada kumpulan berproduktiviti tinggi akan melonjakkan kecekapan dan keberkesanan proses, seterusnya membawa kepada peningkatan pengeluaran serta kawalan harga barang.

Peningkatan kos sara hidup kian meruncing di negara kita. Situasi diburukkan lagi dengan tempias krisis Russia-Ukraine dan peningkatan inflasi global yang memberi kesan kepada situasi ekonomi antarabangsa.

Ketika aktiviti ekonomi semakin rancak dan rakyat dapat bernafas semula selepas dua tahun berdepan dengan pandemik COVID-19, negara diselubungi dengan bencana alam banjir yang memberi kesan buruk terhadap kualiti dan kos sara hidup rakyat, terutama masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana.

Negara sedang diheret ke dalam krisis kos sara hidup yang tinggi. Penyelesaian perlu dilaksanakan dengan tuntas bagi menghadapi tahun akan datang yang diramal, bakal lebih sukar kepada rakyat.

Semestinya, komuniti perniagaan dan masyarakat menyambut baik inisiatif kerajaan dalam mengawal kenaikan harga barang dan merangka pemberian subsidi bersasar untuk meringankan kos sara hidup.

Tindakan tangkas kerajaan yang menjadikan kos sara hidup sebagai agenda utama mempamerkan keprihatinan kerajaan terhadap cabaran dihadapi rakyat dan komuniti perniagaan.

Lonjakan produktiviti penyelesaian kos sara hidup

Cabaran peningkatan kos sara hidup dialami bukan sahaja di Malaysia malah di serata dunia. Kadar inflasi global yang meningkat, antaranya disebabkan oleh peningkatan harga makanan dan tenaga, berada pada tahap yang membimbangkan.

Pembuat dasar berhadapan dengan dua cabaran utama iaitu menurunkan harga barang dan meningkatkan upah untuk menstabilkan kos sara hidup. Lonjakan produktiviti adalah penyelesaian mampan ke arah mencapai objektif ini.

Ketua Pengarah MPC, Datuk Abdul Latif Abu Seman dalam kenyataan, berkata produktiviti yang rendah meningkatkan kos pengeluaran, dan seterusnya menyebabkan kenaikan harga barang di pasaran.

"Masalah harga ayam dan telur dan kenaikan harga makanan yang sedang dihadapi menjadi contoh situasi ini.

"Sekiranya kecekapan pengeluaran dapat ditingkatkan yang mana lebih banyak unit atau output boleh dihasilkan dalam jangkamasa waktu semasa, bekalan akan bertambah dan inflasi boleh dikawal. Rantaian bekalan menjadi lebih stabil untuk memenuhi permintaan.

"Sehubungan itu, di samping memberi subsidi dalam bentuk bantuan kewangan, kita seharusnya memberi lebih tumpuan kepada subsidi dan insentif yang boleh melonjakkan produktiviti, di mana industri boleh meningkatkan pengeluaran dengan kos yang rendah, kaedah cekap, dan masa minimum," katanya.

Insentif dan subsidi yang menjurus kepada penerimagunaan teknologi dan digitalisasi contohnya, adalah antara yang terbaik, kerana sudah terbukti bahawa ia mampu menjadikan proses dan prosedur lebih produktif dan efisien.

Imbangi kos tinggi operasi hotel dengan penggunaan elektrik produktif dan cekap

Dalam hal membabitkan tarif elektrik, MPC sedang memudah cara inisiatif dipacu pemain industri perhotelan dalam menangani kos operasi pengurusan hotel yang kian meningkat, antaranya disebabkan oleh bil penggunaan elektrik yang tinggi.

Bil elektrik hotel yang boleh mencapai sehingga 20 peratus adalah perbelanjaan kedua tertinggi daripada kos keseluruhan operasi hotel.

Pihak industri perhotelan menyedari hakikat, tarif elektrik tidak mungkin dapat diturunkan dalam situasi semasa.

Pemberian subsidi pula mungkin tidak mampu memberi kesan jangka masa panjang dalam menyelesaikan masalah bil elektrik yang tinggi.

Justeru, penggunaan elektrik yang produktif dan cekap dilihat boleh memberi impak diingini.

MPC melalui usahasama strategik bersama Suruhanjaya Tenaga, Sustainable Energy Development Authority (SEDA), Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO), Malaysian Association of Hotels (MAH) dan Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA) sedang melaksanakan inisiatif meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga elektrik bagi mengimbangi kos operasi pengurusan hotel yang tinggi.

Amalan penggunaan tenaga yang produktif dan cekap disasar dapat mengurangkan bil elektrik sesebuah hotel dengan kadar 20 peratus.

Matlamat utama ialah untuk memastikan bil penggunaan elektrik di sesebuah hotel boleh mencapai tahap optimum yang secara puratanya antara lima peratus hingga enam peratus aripada kos operasi perniagaan.

Inisiatif yang dipacu industri perhotelan dan dimudahcara oleh pihak kerajaan ini dilihat mampu memberi kesan jangka panjang yang lebih mampan.

Penggunaan elektrik yang cekap dan berhemah menjadi penyelesaian serampang dua mata yang mampu mengawal kos operasi perniagaan pada tahap optimum dan menyumbang kepada agenda kelestarian alam sekitar oleh kerajaan.

Pendekatan BI galak peningkatan produktiviti

Dalam menyeru pemain industri dan masyarakat meningkatkan produktiviti bagi menangani kos sara hidup tinggi, pendekatan *Behavioural Insights* (BI) dilihat mampu mencapai tujuan ini.

BI adalah satu kaedah dalam penggubalan dasar awam yang menggabungkan sains kognitif, sains sosial dan tingkah laku, psikologi, dan proses membuat keputusan, serta disokong bukti empirikal dan data eskperimen.

Pendekatan BI memastikan setiap intervensi atau cadangan penambahbaikan diuji terlebih dahulu sebelum dilaksanakan dengan meluas.

Kaedah berasaskan bukti dan data dalam pendekatan BI menjadi teras projek perintis kecekapan penggunaan tenaga dalam industri perhotelan yang dimudah cara oleh MPC.

Melalui projek perintis pada skala kecil yang akan membabitkan 15 hotel bertaraf antara tiga hingga lima bintang, keberkesanan pelaksanaan inisiatif meningkatkan kecekapan dan produktiviti melalui penjimatan elektrik diukur dengan jumlah pengurangan bil.

Produktiviti mengimbangi peningkatan kos sara hidup

Kos	-	(Produktiviti + Subsidi)	=	Harga
+5%	-	(0 + 0)	=	+5%
+5%	-	(2.5% + 2.5%)	=	0
+5%	-	(5% + 0)	=	0

> "Sekiranya kecekapan pengeluaran dapat ditingkatkan yang mana lebih banyak unit atau output boleh dihasilkan dalam jangkamasa waktu semasa, bekalan akan bertambah dan inflasi boleh dikawal"

Abdul Latif Abu Seman, Ketua Pengarah MPC